



MENGENANG TRAGEDI MH370

8 MAC 2014 | 777-200ER | 239 PENUMPANG | KLIA - BEIJING



'Laungan Muzi' kejutkan ibu daripada lena

→ Keluarga harap dapat jawapan kehilangan anak, kapal terbang

Oleh Norrasidah Arshad norrasidah@nstp.com.my

Banting

"Pernah satu malam, ketika sedang tidur, makcik tersedar kerana terdengar seolah-olah seperti Muzi memanggil nama," kata ibu kepada Muzi Yusop, seorang penumpang MH370, pesawat malarang yang hilang sejak 8 Mac 2014.

Saemah Sidek, 74, berkata anak sulungnya itu pasti akan memanggilnya, setiap kali mahu per-

gi ke tempat kerja atau kembali ke rumah, memandangkan kediaman mereka terletak bersebelahan.

Katanya, mungkin sudah terbiasa dengan panggilan daripada Muzi itu, perkara berkenaan terdengar seolah-olah seperti Muzi ketika sedang tidur.

Selalu panggil, jenguk

"Dia selalu panggil makcik dari laman. Mak...mak...kadang-kadang dia jenguk makcik di dapur.

"Sampai sekarang makcik tidak pernah melupakan dia. Makcik da-



Apa yang dihairankan, terus tidak jumpa. (Kapal terbang) besar macam rumah, beratus orang di dalamnya tetapi kenapa tidak jumpa. Biarlah makcik tahu di mana kapal terbang itu kerana kubur pun tidak ada"

Saemah Sidek

pat rasakan dia ada, jalan-jalan di dalam rumah," katanya ketika ditemui di Kampung Jenjarom, di sini, semalam.

Saemah berkata, menantunya,

Haniza Bachik, 51, dan tiga cucunya berusia antara 18 hingga 28 tahun itu juga dalam keadaan baik dan mereka menerima dugaan itu dengan reda.

Keluarga berkumpul di KL

Keluarga mangsa pesawat MH370 yang hilang pada 8 Mac 2014, berkumpul di The Square, Publika, di Jalan Duta, Kuala Lumpur, jam 2 petang ini.

Perjumpaan itu diadakan bagi memperingati insiden yang

menggemparkan seluruh dunia, tiga tahun lalu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, dijangka hadir dan menyampaikan ucapan selamat mengenai kepentingan keselamatan dalam penerbangan.



Bagaimanapun, beliau amat berharap dapat mengetahui di mana kehilangan anak sulung dari lapan beradik itu.

"Itu sahaja makcik harapkan. Apa yang dihairankan, terus tidak jumpa. (Kapal terbang) besar macam rumah, beratus orang di dalamnya tetapi kenapa tidak jumpa.

"Biarlah makcik tahu di mana kapal terbang itu kerana kubur pun tidak ada," katanya.

Muzi, 50, adalah antara penumpang pesawat MH370 yang hilang ketika dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing pada 8 Mac 2014.

'Berdoa setiap hari untuk kesejahteraan MH370'

[FOTO NAZIRUL ROSELAN/BH]



Selamat ketika ditemui wartawan di kediamannya di Bera, baru-baru

Bera: "Kami sekeluarga sudah menerima hakikat yang Khairul sudah 'pergi' meninggalkan kami buat selama-lamanya, namun biarlah (jenazah) ditemui supaya dapat disempurnakan," kata Selamat Omar, bapa Mohd Khairul Amri, seorang daripada penumpang pesawat MH370.

Selamat, 63, ketika ditemui NSTP di kediamannya di FELDA Bukit Mendi, dekat sini, berkata keluarganya menerima hakikat peluang menemui Mohd Khairul serta 238 anak kapal serta penumpang dengan selamat adalah tipis selepas empat tahun pencarian dilakukan di lokasi pesawat berkeadaan dilaporkan berakhir.

"Empat tahun kami menanti, namun sehingga kini belum ada penemuan bukti kukuh. Keluarga boleh menerima hakikat yang dia sudah tiada, cuma masalahnya tiada bukti, di mana bangkai pesawat itu dan mayat semua penumpangnya?"

"Kami berharap dapat ditemui supaya kami dapat menguburkan secara sempurna, saya sanggup menunggu kerana dia adalah darah daging sendiri.

"Setiap hari saya berdoa untuk kesejahteraan serta keselamatan (Mohd Khairul Amri) termasuk di-

lancarkan pencarian supaya kami berpuas hati dan misteri kehilangan penumpang dan pesawat MH370 dapat dirungkai tanpa sebarang persoalan lagi selepas ini," katanya.

Mohd Khairul Amri, 29, yang juga jurutera pesawat, adalah antara 239 anak kapal serta penumpang pesawat MH370. Pada 8 Mac 2014, beliau dalam penerbangan ke Beijing, China bagi menjalankan tugas memperbaiki sebuah pesawat syarikat penerbangan di sana.

Ingat pesanan terakhir anak

Mohd Khairul yang juga anak bongsu daripada tiga beradik, disifatkan Selamat sebagai anak yang baik, bertanggungjawab dan sering mengambil berat terhadap kesihatan mereka sekeluarga.

"Saya masih ingat lagi perbualan terakhir dengannya pada jam 8 malam sebelum Khairul ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dia minta saya jaga kesihatan dan tidak lupa mengambil ubat untuk penyakit kencing manis.

"Dia selalu ingatkan saya perkara berkenaan, saya tidak akan lupakan perbualan itu yang mungkin menjadi kenangan terakhir di

antara kami berdua," katanya.

Selamat yang berniaga kecil-kecilan bagi menyara hidup, berkata beliau berpuas hati dengan pengurusan kerajaan dan Malaysia Airlines Berhad (Malaysia Airlines) yang memberikan maklumat setiap minggu kepada waris berhubung misi pencarian pesawat MH370.

"Kami dengar sendiri setiap perkembangannya, terima kasih kepada kerajaan kerana bersetuju meneruskan pencarian MH370 dengan melantik sebuah syarikat (Ocean Infinity Limited) baru-baru ini, ia menunjukkan kerajaan serius mahu merungkai misteri dan memuassakan hati semua pihak terutama keluarga," katanya.

Berhubung majlis memperingati kejadian MH370 yang dianjurkan waris anak kapal dan penumpang di Publika, Kuala Lumpur pada hari ini, Selamat yang menghidap penyakit kencing manis, berkata beliau hanya akan menghadirinya jika kesihatannya mengizinkan.

"Kalau berpeluang hadir saya mahu membawa mesej supaya semua waris bersatu dan sentiasa mendoakan kesejahteraan penumpang serta dipermudahkan pencarian... ini sahaja saya mahu sampaikan," katanya.



MENGENANG TRAGEDI MH370

2014

B/H

03/03/2018

M/S 12 & 13

8 MAC Operasi SAR dilancarkan mulai jam 5.30 pagi di Laut China Selatan.

9 MAC Kawasan SAR diperluas ke Selat Melaka apabila MH370 disahkan berpatah balik. Negara sahabat termasuk Singapura, Vietnam, Indonesia, China dan Amerika Syarikat mengerahkan petugas dan aset membantu SAR.

15 MAC Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata komunikasi terakhir di antara MH370 dengan satelit ialah dari satu daripada dua

koridor berkemungkinan. Koridor utara bermula di sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan hingga utara Thailand atau koridor selatan, dari Indonesia hingga ke selatan Lautan Hindi.
- 26 negara menyertai operasi meliputi 2.24 juta batu nautika persegi.

24 MAC Data satelit Inmarsat Britain memutuskan penerbangan MH370 berakhir di selatan Lautan Hindi dan Australia mengetuai operasi pencarian di kawasan itu.

1 APRIL Australia lancar Pusat

Penyelarasan Agensi Bersama (JACC) menyelaras operasi mencari MH370.

3 APRIL Najib tiba di Perth, Australia, meninjau sendiri operasi mencari.

4 APRIL Pencarian dasar laut di selatan Lautan Hindi dimulakan bagi mengesan 'pinger' kotak hitam.

21 OKT 4 kapal iaitu GO Phoenix, Fugro Discovery, Fugro Equator dan Fugro Supporter terbabit operasi pencarian.



4 TAHUN

HILANG DARI RADAR



Pesawat Boeing 777-200ER Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH370 dengan 239 penumpang, terputus hubungan tanpa sebarang isyarat kecemasan pada kedudukan, 120 batu nautika ke timur Kota Kinabalu di ruang udara Laut China Selatan.

Pesawat malang yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 12.41 pagi 8 Mac 2014, dijadual mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari sama.

Penumpangnya terdiri daripada rakyat Malaysia (38), China (153), Indonesia (tujuh), Australia (tujuh), Perancis (tiga), Amerika (tiga), New Zealand (dua), Ukraine (dua), Kanada (dua), Russia (satu), Itali (satu), Taiwan (satu), Belanda (satu) dan Austria (satu).

Operasi mencari dan menyelamat (SAR) mulanya dilancarkan di Laut China Selatan dan Selat Melaka sebelum diperluaskan hingga ke Lautan Hindi.

250 TAN
kemampuan mengangkat kren



BOT TANPA PEMANDU

DRON

1,200KM PERSEGI

Kapal selam mini tanpa pemandu (AUV) boleh berada 1,200 kilometer persegi dasar laut sehari.

Menggunakan sonar mengesan objek dasar laut terutama logam.




60 JAM

Bateri bertahan 60 jam.

6,000 METER

Kedalaman kemampuan beroperasi

**SEABED CONSTRUCTION
(KAPAL INDUK)**





2015

29 JANUARI Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam, Datuk Azharudin Abdul Rahman, isytihar secara rasmi MH370 mengalami kemalangan mengikut Konvensyen Chicago. Semua 239 penumpang serta anak kapal dianggap terkorban.

18 JUN Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata Malaysia meneruskan pencarian fasa dua dengan dua kapal merehah kawasan terpencil di Lautan Hindi. Fasa satu selesai pada bulan yang sama dan kawasan pencarian seluas lebih 52,000 kilometer per-

segi telah selesai diliputi dalam pencarian.

29 JULAI Seorang pekerja pembersih pantai menjumpai bahagian sayap sepanjang 2.7 meter dikenali sebagai flaperon, yang pakar percaya berasal daripada pesawat Boeing 777. Satu-satunya pesawat Boeing yang hilang di Lautan Hindi ialah MH370.

5 OGO Najib mengesahkan flaperon dijumpai di Pulau La Reunion adalah daripada pesawat MH370 yang hilang.



Kali terakhir berhubung dengan MH370

SERPIHAN BAGIAN PESAWAT SAH MILIK MH370



29 Julai 2015
Flaperon yang dijumpai di Pulau Reunion


2016

3 MAC Penyiasat bebas, Blaine Gibson, menemui objek kira-kira semeter, dipercayai penstabil mendatar pesawat di pesisiran Mozambique, Afrika.

6 MAC Johnny Begue menjumpai objek berukuran kira-kira semeter dan mempunyai tanda warna biru di pantai Pulau Reunion.


24 MAC Tiong Lai umum dua serpihan terdampar di pantai Mozambique, hampir pasti milik MH370.

29 JULAI Penyiasat kemalangan Australia, Greg Hood, dakwa data menunjukkan MH370 mungkin menjunam ke dasar laut pada kelajuan sehingga 20,000 kaki (6,096 meter) seminit.



10 Mei 2016

Serpihan dijumpai
di Pulau Mauritius



20 Jun 2016

Serpihan dijumpai
di Pulau Pemba, Tanzania

Untuk
video layari



www.bharian.com.my

2018

10 JANUARI Pencarian MH370 disambung semula susulan perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat penerokaan dasar laut berpangkalan di Amerika Syarikat, Ocean Infinity Limited.

21 JANUARI Kapal pencarian, Seabed Constructor, tiba di lokasi terpencil Lautan Hindi, yang dipercayai saintis Australia lokasi MH370 terhempas. Selepas seminggu pencarian, Seabed Constructor belum menemui sebarang bukti.



16 SEPTEMBER Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB) mengesahkan serpihan pesawat ditemui di kepulauan Pemba, Tanzania pada 20 Jun 2016, milik MH370.

20 DISEMBER ATSB memutuskan kawasan pencarian dasar Lautan Hindi mungkin bukan lokasi terletaknya bangkai pesawat, dan mengenalpasti kawasan seluas 25,000km persegi sebagai lokasi berkemungkinan baharu.

2017

17 JANUARI Malaysia, Australia dan China gantung pencarian selepas operasi terakhir di selatan Lautan Hindi seluas 120,000 kilometer persegi tidak menemui sebarang bukti.

9 MAC Tiong Lai umumkan laporan akhir siasatan antarabangsa berhubung kehilangan MH370 akan dikeluarkan dalam tempoh setahun dari tarikh penggantung operasi pencarian pada 17 Januari.